


Isu dan Cabaran Pengurusan Hutan untuk Kelestarian Alam

Haryati Shafii



Hutan merupakan aset berharga dan khazanah alam yang diwarisi secara semula jadi di setiap negara. Hutan mempunyai kepelbagaian spesies flora dan fauna yang hidup dan saling bergantung antara satu sama lain bagi membentuk suatu ekosistem.

Hutan ditakrifkan sebagai suatu komuniti tumbuh-tumbuhan yang hidup secara padat, terdiri daripada pelbagai pokok dan organisma serta mempunyai kemampuan secara semula jadi untuk berinteraksi dengan persekitaran. Di Malaysia, hutan dirujuk sebagai tumbuh-tumbuhan semula jadi, liar dan

boleh dijumpai di kawasan pedalaman, pinggir pantai atau muara sungai dan tanah benchah. Hutan juga mempunyai ekologi dan biodiversitinya yang tersendiri.

Secara umumnya, hutan di dunia menjangkau keluasan kira-kira 40 peratus atau 4405 hektar daripada keluasan bumi. Hutan hujan tropika pula merangkumi sebanyak 53.4 peratus daripadanya. Hutan di dunia amnya dikelaskan kepada tiga, iaitu hutan hujan khatulistiwa, hutan iklim sederhana dan hutan konifer. Pengelasan hutan dipengaruhi oleh ciri tertentu, iaitu iklim sesuatu tempat seperti suhu dan hujan, jenis tanah, kedudukan geografi, jenis

tumbuhan, topografi, dan latar belakang sesuatu kawasan.

Di bawah Perlembagaan Persekutuan, hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, iaitu setiap negeri dipertanggungjawab untuk menggubal dasar dan rang undang-undang perhutanan masing-masing. Kuasa eksekutif kerajaan persekutuan hanya terhad untuk memberikan khidmat nasihat dan bantuan teknikal, latihan serta menjalankan penyelidikan. Bagi memastikan pelaksanaan polisi dan program perhutanan dapat diselaraskan, Majlis Tanah Negara telah diwujudkan sebagai platform kepada

kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri untuk membincangkan perkara berkaitan dengan polisi dan pengurusan perhutanan di Malaysia.

Keluasan Hutan Mengikut Negeri

Malaysia amat bertuah kerana dianugerahi sumber hutan asli yang bernilai tinggi serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara secara signifikan. Hutan di Malaysia kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna. Aspirasi kerajaan Malaysia adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dikekalkan sebagai kawasan berhutan dan diliputi pokok sebagaimana komitmen yang dinyatakan semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992.

Jadual 1 menunjukkan keluasan dan peratusan kawasan hutan mengikut negeri di Malaysia pada tahun 2015. Berdasarkan jadual tersebut, jelas menunjukkan bahawa keluasan hutan yang terdapat di Malaysia mengikut negeri adalah berbeza-beza. Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai keluasan hutan yang paling tinggi berbanding dengan negeri lain di Semenanjung Malaysia. Negeri yang paling sedikit diliputi hutan ialah Melaka. Peratus keluasan hutan di setiap negeri direkodkan mengalami pengurangan dari tahun ke tahun. Pengurangan ini adalah untuk memberikan laluan kepada aktiviti pembangunan, perumahan, infrastruktur, aktiviti pertanian yang memerlukan tapak bagi aktiviti pembangunan dan pembalakan.

Jadual 1 Keluasan dan peratus kawasan hutan mengikut negeri di Malaysia pada tahun 2015.

Negeri	Keluasan Negeri (Hektar)	Kawasan Berhutan (Hektar)	Peratus (%)
Johor	1 901 600	449 221	23.6
Kedah	942 500	342 431	36.3
Kelantan	1 510 500	812 196	53.8
Melaka	165 200	5352	3.2
Negeri Sembilan	665 709	158 147	23.8
Pahang	3 596 500	2 068 082	57.5
Perak	2 102 200	1 021 795	48.6
Perlis	79 500	11 532	14.5
Pulau Pinang	103 100	7761	7.5
Selangor	793 020	250 860	31.6
Terengganu	1 295 600	655 444	50.6
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	29 200	2049	7.0
Sabah	7 431 050	4 435 990	59.7
Sarawak	12 397 311	8 034 000	64.8
Jumlah	33 012 990	18 254 860	55.3

Keluasan hutan simpan kekal yang paling tinggi ialah hutan darat sebanyak 4.34 hektar, diikuti dengan hutan paya gambut sebanyak 0.25 hektar dan hutan paya laut sebanyak 0.09 hektar.

Hutan Mengikut Fungsi dan Jenis

Keluasan Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 13.22 hektar, manakala kawasan berhutan merangkumi sebanyak 5.69 hektar, hutan simpanan kekal dengan 4.81 hektar dan cadangan hutan simpanan kekal adalah sebanyak 0.09 hektar. Angka ini jelas menunjukkan bahawa Semenanjung Malaysia masih mempunyai banyak kawasan yang diliputi hutan, iaitu sebanyak 10.59 hektar, dan masih tinggi jika dibandingkan dengan keluasan kawasannya. Keluasan hutan simpan kekal yang paling tinggi ialah hutan darat sebanyak 4.34 hektar, diikuti dengan hutan paya gambut sebanyak 0.25 hektar dan hutan paya laut sebanyak 0.09 hektar.

Jadual 2 Jenis kawasan mengikut jenis hutan dan fungsi hutan.

Jenis Kawasan	Juta Hektar
Keluasan Semenanjung Malaysia	13.22
Kawasan berhutan	5.69
Kawasan tidak berhutan	7.53
Hutan simpanan kekal	4.81
Cadangan hutan simpanan kekal	0.09
Hutan Simpanan Kekal Mengikut Jenis Hutan	Juta Hektar
Hutan darat	4.34
Hutan paya gambut	0.25
Hutan paya laut	0.09
Ladang hutan	0.12
Peratusan daripada kawasan berhutan	84.40 peratus
Hutan tanah kerajaan	0.28
Hutan taman hidupan liar	0.51
Lain-lain rizab berhutan	0.00
Hutan Simpanan Kekal Mengikut Fungsi	Juta Hektar
Hutan perlindungan	2.97
Hutan pengeluaran	1.84

Hutan simpanan kekal mempunyai kepentingan yang sangat jelas dan signifikan kepada hidupan dan persekitaran. Kepentingan hutan kepada kehidupan adalah seperti yang berikut:

1. Kawasan tadahan air hujan.
2. Habitat bagi haiwan dan tumbuh-tumbuhan.
3. Mengawal hakisan tanah.
4. Kestabilan cuaca.
5. Sumber bahan mentah (sumber protein seperti haiwan buruan).
6. Sumber makanan (buah buahan dan sayur-sayuran).
7. Ubat-ubatan.
8. Sumber hasil hutan kayu dan bukan kayu (rotan dan damar).
9. Lain-lain (pewarna, damar dan mengkuang untuk kraf tangan).

Isu dan Cabaran Pengurusan Hutan di Malaysia

Pada hari ini, isu dan cabaran pengurusan hutan hangat diperdebatkan. Media massa sering melaporkan berlakunya kegiatan penebangan hutan secara haram, pencurian balak, penebangan hutan untuk aktiviti pertanian yang telah menyebabkan populasi hutan di Malaysia semakin merosot. Isu ini merupakan sesuatu yang harus dipandang serius. Kemusnahan hutan ekoran aktiviti manusia yang melampaui batas boleh mengakibatkan kesan negatif yang berantai kepada hidupan dan persekitaran. Kemusnahan hutan secara tidak terkawal akan menyebabkan kawasan tersebut menjadi gondol dan menggalakkan berlakunya hakisan tanah apabila hujan lebat berlaku.

Selain itu, penebangan hutan secara tidak terkawal akan mengakibatkan kemusnahan ekologi dan habitat hidupan flora dan fauna. Sering kali media melaporkan kejadian harimau menyerang manusia dan sekumpulan gajah liar memusnahkan kebun penduduk. Mengapakah perkara ini berlaku? Mengapakah wujudnya konflik antara haiwan dengan manusia?

Persoalan seperti ini biasanya akan berakhir dengan menyalahkan haiwan kerana telah memberikan ancaman kepada manusia dan memusnahkan aset penduduk. Namun demikian, wajar disedari bahawa haiwan tersebut secara zahirnya tidak akan

menyerang manusia. Apabila haiwan berada dalam keadaan lapar, terdesak, diganggu, dan terancam, haiwan biasanya akan cuba bertindak balas melalui serangan untuk mempertahankan diri.

Hutan merupakan habitat semula jadi bagi haiwan. Apabila habitat tersebut telah diganggu dan dimusnahkan, haiwan telah kehilangan tempat tinggal dan sumber makanan. Oleh yang demikian, haiwan ini akan keluar untuk mendapatkan makanan di luar daripada habitatnya. Hal inilah yang berlaku pada hari ini. Tekanan pembangunan telah memberikan implikasi yang besar kepada hidupan seperti gajah, harimau dan binatang liar lain.

Banjir yang berlaku pada penghujung tahun 2021 dan awal tahun 2022 di beberapa buah negeri seperti di Selangor, Pahang dan Terengganu memperlihatkan terdapatnya hubungan antara kemusnahan hutan dengan magnitud banjir yang berlaku. Bencana ini telah membuka mata masyarakat bahawa terdapat sesuatu yang perlu diperbetulkan pada peringkat pengurusan hutan.

Selain faktor hujan lebat yang luar biasa, keadaan parit dan longkang yang tidak diselenggara dengan baik serta penebangan hutan juga menyumbang kepada kejadian banjir besar. Terdapat laporan yang menyatakan bahawa banjir ketika itu turut membawa bersama-sama potongan kayu balak dan keladak yang tinggi hingga digelar banjir lumpur. Jelaslah bahawa keladak daripada luahan banjir ini adalah berpunca daripada hakisan tanah yang berlaku di kawasan pedalaman ekoran penebangan hutan.

Oleh hal yang demikian, timbul pelbagai persoalan berkaitan dengan pengurusan hutan di Malaysia, seperti apakah tiada pemantauan daripada pihak berkuasa di kawasan hutan supaya kejadian pencurian balak dan pembalakan haram tidak berlaku? Apakah kerajaan negeri sedar bahawa hutan di bawah tanggungjawabnya dipotong dan ditarah dengan sewenang-wenangnya? Persoalan ini tidak habis setakat itu sahaja, bahkan masyarakat Malaysia yang kecewa dengan isu yang berlaku menuntut supaya undang-undang pengurusan hutan disemak semula, ditambah baik dan melakukan pemantauan dengan lebih cekap.

Secara umumnya, masyarakat mengetahui bahawa pengurusan hutan di Malaysia adalah di bawah tanggungjawab atau di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Keadaan ini telah menyebabkan pengurusan hutan di setiap negeri adalah tidak seragam. Kerajaan pusat pula hanya mempunyai kuasa yang terhad, iaitu tertakluk kepada kuasa untuk khidmat nasihat, bantuan teknikal, latihan, dan menjalankan penyelidikan.

Keadaan ini amat menyukarkan kerana bidang kuasa ini memberikan hak yang mutlak kepada kerajaan negeri untuk menentukan keluasan hutan yang ada, pemberian lesen membalak, pembukaan hutan untuk aktiviti pembangunan dan pertanian mengikut negeri masing-masing. Dalam aspek ini, keadaan menjadi sukar untuk mewujudkan integrasi pengurusan hutan secara bersepadu disebabkan oleh ketidakseragaman tersebut.

Ketidakeragaman dalam pengurusan hutan seterusnya akan membawa kepada konflik, iaitu perbezaan pertimbangan bagi pihak A dan B. Sebagai contohnya, pihak A berpandangan bahawa membangunkan kawasan hutan lebih dituntut untuk memberikan laluan kepada pembangunan dan pemodenan negeri. Berbeza dengan pihak B pula yang menyokong kepada pengekalan, pemeliharaan dan pemuliharaan hutan adalah perlu demi kelestarian alam sejagat.

Hal ini demikian kerana aktiviti penebangan hutan secara tidak terkawal akan mengundang pelbagai bencana kepada manusia dan alam sekitar. Penebangan hutan bukan sahaja boleh mengakibatkan kemusnahan hutan, kepupusan spesies flora dan fauna dan kehilangan habitat, bahkan dalam skop yang lebih luas penebangan hutan akan menyumbang kepada kemerosotan kualiti alam sekitar secara mikro dan makro.

Dasar dan Perundangan Hutan di Malaysia

Melihat kepada pentingnya pengekalan dan pemeliharaan hutan kepada hidupan flora, fauna, manusia serta persekitaran, amalan pengurusan hutan yang lestari wajar dilaksanakan. Amalan pengurusan hutan secara kelestarian alam akan memastikan pengekalan dan kesinambungan hutan kepada generasi akan datang. Di samping



itu, masalah yang berkaitan dengan persekitaran akan dapat dikurangkan. Di Malaysia, Amalan Pengurusan Hutan adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Amalan Pengurusan Hutan Secara Lestari

Malaysia seperti negara lain yang telah menandatangani Deklarasi Rio 1992 komited untuk melaksanakan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB). Melalui pelaksanaan ini, penekanan secara seimbang dalam aspek pembangunan sosioekonomi dan pemeliharaan sumber aslinya seperti yang termaktub dalam objektif Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) adalah bertujuan untuk memelihara dan menguruskan hutan negara berdasarkan prinsip pengurusan secara berkekalan, melindungi alam sekitar, memelihara kepelbagaian hayat dan sumber genetik serta meningkatkan penyelidikan dan pendidikan.

Bagi memastikan bekalan kayu-kayan negara mencukupi, kawalan ke atas hasil hutan dilaksanakan dengan berpandukan kepada Rancangan Pengurusan Hutan. Caturan Tebangan Tahunan (CTT) turut dilaksanakan bertujuan untuk mengimbangi jumlah pengeluaran dan

penghasilan kayu dengan keupayaan dan keluasan kawasan hutan pengeluaran dalam hutan simpanan kekal. Pematuhan CTT di setiap negeri dilaporkan kepada Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Antara undang-undang dan akta yang boleh dirujuk bagi melindungi hutan di Malaysia ialah Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992), Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993), Akta Lembaga Penyelidikan Pembangunan Hutan Malaysia (MFRDB) 1985, dan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008. Kesemua dasar dan akta ini jelas menunjukkan sokongan dan komitmen yang tinggi daripada kerajaan Malaysia untuk memastikan hutan negara, flora dan fauna dilindungi daripada ancaman, kemusnahan dan kepupusan.

Walau bagaimanapun, Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) dan Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) boleh dicadangkan untuk disemak kembali memandangkan kini Malaysia telah menjangkau kepada tahun 2022. Kewajarannya untuk disemak semula adalah perlu supaya akta ini lebih relevan dengan sebarang perubahan dan tuntutan masa.

Sudah tiba masanya kerajaan Malaysia melakukan pengurusan hutan secara berfokus dengan melaksanakan pengurusan hutan secara lestari. Pertimbangan pengurusan hutan secara lestari harus ditekankan oleh kerajaan Malaysia kerana kelestarian hutan penting sebagai aset negara, untuk keseimbangan ekologi, ekosistem dan kepentingan generasi manusia sejagat.

Oleh yang demikian, pentingnya penyelarasan bidang kuasa pengurusan hutan diletakkan di bawah satu badan pusat untuk memudahkannya dikawal selia serta memastikan aktiviti pemantauan kawasan hutan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap.

Secara keseluruhannya, hutan merupakan khazanah alam yang sangat berharga kepada sesebuah negara. Hutan banyak memberikan manfaat, bukan sahaja kepada flora dan fauna bahkan kepada manusia dan persekitaran. Kewajarannya untuk diuruskan secara lestari adalah sangat mendesak kerana kini kemusnahan hutan akibat aktiviti manusia secara melampau telah menunjukkan kesannya yang begitu ketara sehingga boleh mengakibatkan kemusnahan harta benda dan nyawa manusia.🌱